

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU: KAJIAN KES DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH DI DAERAH JERANTUT, PAHANG DARUL MAKMUR

Seman Salleh
Jabatan Pengajian Melayu

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes satu tempat dan pelbagai kes. Data kajian ini diperoleh secara kuantitatif iaitu dengan menggunakan soal selidik dan juga secara kualitatif iaitu menggunakan teknik pemerhatian tanpa turut serta dan temu bual. Data-data kualitatif digunakan sebagai data sokongan dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk melihat tiga perkara utama iaitu kesediaan guru bahasa Melayu, kesediaan murid dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di SK Cenderawasih. Data kajian kuantitatif diproses secara manual bagi mendapatkan frekuensi, sementara data kualitatif diproses mengikut tema-tema tertentu. Dapatan kajian menunjukkan majoriti guru berminat dan bersedia untuk mengajarkan bahasa Melayu. Mengikut persepsi guru, murid-murid juga bersedia untuk belajar dan guru-guru tidak menghadapi masalah dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian juga menunjukkan majoriti guru yang mengajar Bahasa Melayu adalah berkecambah dan berpengalaman.

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia. Melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya (Raminah Hj. Sabran, 1993). Pembelajaran bahasa secara formalnya berlaku di sekolah. Oleh itu, guru-guru bahasa Melayu memainkan peranan yang utama bagi memastikan murid-murid di sekolah dapat mempelajari bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya.

Kepentingan terhadap penguasaan bahasa lebih ketara dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahasa digunakan dalam interaksi lisan antara guru dengan murid. Hal ini jelas dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (Melayu) sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Banyak aktiviti dan kemahiran yang menekankan aspek-aspek kemahiran bahasa dalam sukatan pelajaran. Perkara ini diberi tumpuan utama bertujuan untuk mencapai objektif

pengajaran bahasa Melayu iaitu membolehkan murid-murid mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Oleh itu, guru bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan murid-murid mereka dalam penguasaan bahasa Melayu. Ab. Rahman Ab. Rashid, Yap Kim Fatt dan Ab. Rahim Selamat (1997) menggariskan empat peranan guru bahasa Melayu iaitu sebagai perancang pengajaran dan pembelajaran; penggerak dan pendorong pengajaran dan pembelajaran; pembimbing murid; dan pemupuk semangat dan pembentuk sahsiah murid.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Sharbi Ali, 2005) dengan jelas menyenaraikan matlamat dan objektif mata pelajaran Bahasa Melayu. Matlamat yang hendak dicapai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan murid yang berketrampilan berbahasa dan menghargai serta menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu, sesuai dengan semangat Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 1983) telah menjelaskan objektif pengajaran bahasa Melayu adalah untuk membolehkan kanak-kanak bertutur dan mengeluarkan buah fikiran dengan menggunakan bahasa yang sesuai dalam pelbagai keadaan perhubungan. Sementara dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Sharbi Ali, 2005) juga menggariskan 11 objektif yang merangkumi beberapa kemahiran berbahasa sebagaimana yang berikut;

- i. mendengar, memahami dan menghayati pertuturan yang terdapat dalam kehidupan sehari-hari;
- ii. bertutur dengan petah dan membuah fikiran yang bernas serta menggunakan bahasa yang sesuai dan bertatasusila;
- iii. membaca untuk memahami isi bacaan yang sesuai dengan kematangan;
- iv. menjadikan pembacaan sebagai suatu kebiasaan dan amalan bagi mendapatkan pengetahuan dan hiburan;
- v. menulis pelbagai jenis karangan dan surat kiriman mengikut tajuk dan format yang betul;
- vi. memahami dan mengisi borang yang sesuai dengan betul;
- vii. menghargai dan menghayati nilai-nilai estetika dalam karangan prosa dan puisi;
- viii. menggunakan bahasa Melayu untuk memperoleh pelbagai ilmu;

- ix. menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam lisan dan penulisan;
- x. memberi makna dan menggunakan peribahasa dalam konteks yang betul dan sesuai; dan
- xi. menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan untuk berkomunikasi antara ahli masyarakat yang berbilang keturunan.

LATAR BELAKANG MASALAH

Banyak guru yang menganggap mengajarkan bahasa Melayu merupakan suatu tugas yang mudah. Kajian Seman Salleh (2005) menunjukkan semua guru yang menjadi responden dalam kajiannya berminat dan seronok mengajarkan bahasa Melayu kerana mereka menganggap bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang mudah untuk diajar. Tanggapan ini diterima oleh pentadbir sekolah dan tindakannya ialah menentukan guru bahasa Melayu dalam kalangan guru yang bukan opsyen bahasa Melayu. Amalan ini berlaku disebabkan guru besar menganggap mata pelajaran bahasa Melayu boleh diajar oleh guru-guru lain selain guru yang beropsyen bahasa Melayu.

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan kebanyakan sekolah khususnya sekolah-sekolah di pedalaman menghadapi masalah kekurangan guru. Kekangan ini mungkin menyebabkan guru-guru yang mempunyai opsyen tertentu tidak ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan. Hal ini menyebabkan sekolah menghadapi masalah untuk menentukan guru mata pelajaran yang sesuai. Kekurangan guru yang berkelayakan untuk mengajarkan bahasa Melayu menyebabkan pihak pentadbir terpaksa mengambil tindakan dengan menempatkan guru-guru yang memiliki opsyen lain untuk mengajarkan bahasa Melayu. Kajian-kajian terdahulu juga mendapati adanya guru-guru agama, sains, matematik dan sebagainya yang mengajarkan bahasa Melayu di sekolah. Perkara ini mungkin dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru tetapi tindakan ini tidak dapat membantu meningkatkan penguasaan berbahasa dalam kalangan murid. Guru-guru ini kebanyakannya kurang menguasai aspek-aspek bahasa dan ini menimbulkan masalah apabila mereka menyampaikan pengajaran.

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan kebanyakan sekolah khususnya sekolah-sekolah di pedalaman menghadapi masalah kekurangan guru. Kekangan ini mungkin menyebabkan guru-guru yang mempunyai opsyen tertentu tidak ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan. Hal ini menyebabkan sekolah menghadapi masalah untuk menentukan guru mata pelajaran yang sesuai. Kekurangan guru yang berkelayakan untuk mengajarkan bahasa Melayu menyebabkan pihak pentadbir terpaksa mengambil tindakan dengan menempatkan guru-guru yang memiliki opsyen lain untuk mengajarkan bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah SK Cenderawasih. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menjawab lima soalan kajian yang disediakan.

SOALAN-SOALAN KAJIAN

Kajian ini menyediakan lima soalan kajian iaitu ;

Soalan kajian pertama :

Adakah guru-guru bahasa Melayu mempunyai kelayakan untuk mengajar bahasa Melayu?

Soalan kajian kedua:

Adakah guru-guru BM bersedia untuk mengajar bahasa Melayu?

Soalan kajian ketiga:

Adakah murid-murid bersedia untuk belajar bahasa Melayu?

Soalan kajian keempat:

Adakah guru-guru menghadapi masalah dalam pengajaran bahasa Melayu?

Soalan kajian kelima:

Apakah masalah yang dihadapi oleh guru BM?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu khususnya yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh jabatan pelajaran dalam merancang dan menyusun penempatan guru-guru di sekolah. Jabatan pelajaran perlu mengambil kira pengkhususan dan kekosongan di sekolah supaya guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan guru-guru yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam mata pelajaran tersebut.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak pentadbir sekolah terutamanya dalam menempatkan guru-guru di sekolah. Seterusnya, berdasarkan kajian ini, pihak pentadbir sekolah mungkin boleh menggariskan kriteria tertentu sebelum menyusun dan menentukan guru-guru mata pelajaran khususnya mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru untuk menilai kesediaan diri mereka sebelum sesuatu pengajaran dilaksanakan. Selain itu, guru-guru juga diharap dapat menilai dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid-murid mereka. Aspek-aspek kekuatan dan kelemahan ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Guru-guru diharap dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, objektif dan isi pelajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa murid-murid.

DEFINISI ISTILAH

Pelaksanaan

Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP] (1994) mendefinisikan “pelaksanaan” sebagai perihal atau perbuatan melaksanakan, menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan, tugas dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan merujuk kepada rancangan dan tugas yang telah dilaksanakan oleh guru semasa menyampaikan pengajaran bahasa Melayu. Pelaksanaan pengajaran dilihat bermula dari langkah set induksi sehingga langkah penutup sesuatu pengajaran.

Pengajaran

Konsep pengajaran dijelaskan dengan pelbagai definisi (Sharifah Alwiah, 1983; Teuku Iskandar, 1986; Yaxley, 1991). Sharifah Alwiah menganggap pengajaran sebagai aktiviti atau proses kerana apabila mengajar, aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu, dan berbagai-bagai aktiviti lain akan berlaku. Sharifah Alwiah juga menganggap pengajaran sebagai suatu proses komunikasi walaupun tidak semua aktiviti pengajaran merupakan komunikasi antara guru dengan pelajar. Yaxley berpendapat, pengajaran merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna. Yaxley juga melihat pengajaran sebagai aktiviti intelek yang melibatkan pemikiran, perasaan dan penilaian. Selain itu, pengajaran juga boleh dimaksudkan sebagai perbuatan mengajar atau apa-apa yang diajarkan (DBP, 1985) atau perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar atau aspek yang dipentingkan dan sebagainya (Teuku Iskandar, 1986).

Konsep pengajaran dalam konteks kajian ini merangkumi pengertian yang dikemukakan oleh Sharifah Alwiah (1983), Teuku Iskandar (1986) dan Yaxley (1991). Pengajaran melibatkan aktiviti mengajar yang dilakukan oleh guru semasa menyampaikan isi kandungan pelajaran pada hari yang berkenaan.

Pembelajaran

Pembelajaran adalah proses atau kegiatan belajar (Teuku Iskandar, 1986) yang berlaku dalam pelbagai bentuk (Schunk, 1991). Menurut Schunk, pembelajaran melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan dan tingkah laku. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk pengalaman (Evans & Brueckner, 1990; Gagne, 1985). Bagi Gagne, pembelajaran merupakan perubahan dari segi kecenderungan atau kemampuan seseorang yang diperoleh dalam masa yang panjang dan bukannya dikuasai secara mudah mengikut proses pertumbuhan seseorang. Dalam kajian ini, konsep pembelajaran dipadankan dengan aktiviti dan penglibatan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan, dan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar pada semua peringkat persekolahan; sama ada di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah (KPM, 2001). Mata pelajaran Bahasa Melayu ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. KPM (2001) menegaskan bahawa kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu merangkumi penggunaan bahasa yang menekankan kemahiran bahasa serta berteraskan bahasa Melayu baku. Dalam konteks kajian ini, mata pelajaran Bahasa Melayu merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penyampaian dan penerimaan isi kandungan yang berkaitan sesuatu tajuk yang diajar pada hari yang berkenaan.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes satu tempat dan pelbagai kes (Yin, 1989). Kajian ini melibatkan 4 orang responden iaitu guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang. Dalam kajian ini sekolah berkenaan dikenali sebagai SK Cenderawasih.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif digunakan bagi mendapatkan data tentang kesediaan guru, kesediaan murid dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Data tersebut diperoleh secara triangulasi iaitu menggunakan soal selidik, temu bual dan pemerhatian.

Data kuantitatif diproses untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan sementara data kualitatif diproses untuk menyokong data kuantitatif. Data kualitatif diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian. Pengkaji menyediakan nota lapangan semasa pemerhatian khususnya perkara-perkara yang melibatkan aktiviti murid. Data daripada nota lapangan, temu bual dan pemerhatian ini digunakan sebagai data sokongan kepada data kuantitatif yang dikemukakan dalam laporan kajian ini.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang. Dalam kajian ini, sekolah ini dikenali sebagai SK Cenderawasih. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah rendah yang terlibat dalam projek “*attachment*” IPBA-Jerantut. Pemilihan sekolah ini sebagai tempat kajian dibuat dengan mengambil kira pandangan Marshall dan Rossman (1995) yang menggariskan empat perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu:

- (i) Tiada halangan untuk menjalankan kajian.

Dalam hal ini, pengkaji mendapati guru-guru dan juga guru besar sekolah ini telah memberikan kerjasama yang baik. Pihak sekolah dan responden memberikan persetujuan untuk pengumpulan data.

- (ii) Mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik, serta wujudnya minat dan kerjasama daripada responden.

Dalam hal ini pengkaji yakin dapat memperoleh data yang diperlukan untuk kajian ini kerana pengkaji mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pentadbir sekolah dan semua responden. Responden memberikan kerjasama semasa pengajaran, temu bual dan pemerhatian, dan juga semasa menjawab soal selidik.

- (iii) Berkemampuan untuk membina hubungan percaya-mempercayai dengan responden.

Dalam hal ini pengkaji berjaya mewujudkan suasana kemesraan serta saling mempercayai, hormat-menghormati dan sentiasa bersedia untuk berbincang. Pengkaji telah memaklumkan kepada responden tujuan soal selidik dan juga tujuan kajian ini dijalankan.

- (iv) Berkeyakinan boleh mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti untuk tujuan kajian.

Dalam hal ini, responden yang dipilih merupakan guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah berkenaan. Guru-guru yang mengajar mata pelajaran lain tidak terlibat dalam kajian ini.

Pemilihan Responden

SK Cenderawasih mempunyai lima orang guru bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, seorang guru perempuan yang mengajarkan bahasa Melayu sedang mengikuti Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS). Oleh itu, guru berkenaan tidak dijadikan responden dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Pengkaji membina sendiri instrumen kajian berdasarkan kepada soalan-soalan kajian. Satu set soal selidik disediakan dan soal selidik ini dijawab oleh responden. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, Bahagian B berkenaan dengan kesediaan guru, Bahagian C berkaitan dengan kesediaan murid dan Bahagian D berkenaan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Bahagian A mengandungi enam soalan, Bahagian B mengandungi lima soalan, Bahagian C pula lima soalan dan Bahagian D juga lima soalan.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan secara triangulasi iaitu menggunakan soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden, pengkaji terlebih dahulu menemu bual responden bagi mendapatkan pandangan awal responden tentang kajian ini. Selepas mendapat pandangan yang positif dan mendapat kerjasama daripada responden, pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden.

Selain itu, pengkaji juga membuat pemerhatian terhadap pengajaran yang dijalankan oleh responden. Semasa pemerhatian, pengkaji menyediakan nota lapangan iaitu catatan yang berkaitan dengan aktiviti dan penglibatan murid semasa aktiviti. Pengkaji juga telah menjalankan temu bual secara formal dan tidak formal dengan responden dan pentadbir sekolah. Data yang diperolehi melalui temu bual ini dikumpul dan dianalisis selaras dengan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik.

Prosedur Penganalisan Data

Data kuantitatif dianalisis untuk mendapatkan frekuensi. Data ini diproses secara manual kerana jumlah item yang dikemukakan dalam soal selidik tidak begitu banyak. Sementara itu, data kualitatif dianalisis mengikut tema-tema yang ditetapkan; yang diselaraskan dengan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik. Penyelerasan ini dilakukan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan unit analisis yang dapat menyokong data kuantitatif yang dikemukakan dalam laporan.

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Kajian ini melibatkan empat orang guru bahasa Melayu yang terdiri daripada tiga orang guru lelaki dan seorang guru perempuan. Jadual 1 menunjukkan seorang responden berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan tiga orang responden berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Dari segi pengalaman mengajar, dua orang responden telah 6 hingga 10 tahun mengajar sementara dua orang lagi berpengalaman selama 11 hingga 15 tahun. Jadual 1 juga menunjukkan hanya seorang responden yang tiada pengalaman mengajar bahasa Melayu tetapi dua orang responden mempunyai pengalaman selama 11 hingga 15 tahun dan seorang responden mempunyai pengalaman selama 6 hingga 10 tahun.

Seterusnya, Jadual 1 menunjukkan tiga orang responden mempunyai pengkhususan dalam pengajian Melayu dan seorang responden dalam pengajian agama. Dua orang responden yang mengajar bahasa Melayu didapati tidak pernah menghadiri apa-apa kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, seorang responden pernah menghadiri kursus tetapi kurang daripada tiga kali sementara seorang responden menghadiri lebih daripada 20 kali. Bagi bilangan kelas yang diajar, didapati tiga orang responden mengajar sebanyak 2 kelas dan hanya seorang responden yang mengajar satu kelas. Dalam Jadual 1 juga didapati selain daripada mengajar bahasa Melayu, responden juga mengajar mata-mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup, Matematik, Pendidikan Seni dan Muzik.

Jadual 1: Profil Responden

Butiran		Kekerapan
Jantina	Lelaki	3
	Perempuan	1
Kelulusan akademik	SPM	1
	STPM	3
Pengalaman mengajar	6 – 10 tahun	2
	11–15 tahun	2
Pengalaman mengajar BM	6 – 10 tahun	1
	11–15 tahun	2
	Tiada	1
Pengkhususan	Pengajian Melayu	3
	Pengajian Islam	1
Bilangan kursus	Tiada	2
	Kurang daripada 3	1
	Lebih 20 kali	1
Bilangan kelas yang diajar	1 kelas	3
	2 kelas	1
Mata pelajaran lain yang diajar	Pengajian Islam	1
	Kemahiran Hidup	1
	Matematik	2
	Pendidikan Seni	1
	Muzik	1

Kesediaan Guru

Jadual 2 menunjukkan semua responden berminat mengajar bahasa Melayu. Data menunjukkan tiga orang responden sangat bersetuju (75%) dan seorang responden bersetuju (25%) dengan kenyataan bahawa mereka berminat untuk mengajar bahasa Melayu. Selain itu, seorang responden (25%) kurang pasti sama ada beliau dapat membantu murid untuk meningkatkan pengetahuan bahasa Melayu atau sebaliknya.

Jadual 2: Kesiediaan Guru

ITEM	SS	%	S	%	KP	%	TS	%	STS	%
Berminat mengajar BM	3	75	1	25						
Dapat membantu murid dalam BM	1	25	2	50	1	25				
Yakin mengajar bahasa Melayu	2	50	1	25			1	25		
Terpaksa belajar BM untuk mengajar BM			2	50			1	25	1	25
Mengajar BM membebankan							2	50	2	50
Pilihan: tak mahu mengajar BM			1	25			1	25	2	50
Memerlukan persediaan awal	3	75	1	25						

Seterusnya, Jadual 2 menjelaskan bahawa tiga orang responden sangat bersetuju dan seorang responden bersetuju dengan kenyataan bahawa responden berasa yakin untuk mengajar bahasa Melayu. Dalam hal yang lain, dua orang responden terpaksa belajar bahasa Melayu untuk tujuan mengajar murid-murid mereka. Walau bagaimanapun, semua responden menganggap mengajar bahasa Melayu bukanlah suatu tugas yang membebankan mereka. Sekiranya diberi pilihan, semua responden masih berminat untuk mengajar bahasa Melayu. Dari segi persediaan, tiga orang responden sangat setuju dan seorang respon bersetuju bahawa untuk mengajar bahasa Melayu memerlukan persediaan awal.

Kesiediaan Murid

Jadual 3 menunjukkan kesiediaan murid di SK Cenderawasih dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menurut persepsi responden. Daripada jadual itu didapati keseluruhan murid berminat mempelajari bahasa Melayu. Tiga orang responden (75%) bersetuju bahawa murid-murid mereka berminat mempelajari bahasa Melayu kecuali seorang responden yang kurang pasti.

Jadual 3: Kesiediaan Murid

ITEM	SS	%	S	%	KP	%	TS	%	STS	%
Tidak minat BM					1	25	2	50	1	25
Majoriti lemah BM			1	25			3	75		
Majoriti belum kenal huruf							4	100		
Majoriti belum kenal suku kata			1	25			3	75		
Majoriti belum dapat membatangkan perkataan			1	25			3	75		
Majoriti belum dapat menggabungkan suku kata			1	25			3	75		
Aktif dalam aktiviti			3	75			1	25		
Murid suka bertanya			3	75			1	25		
Murid sukar menjawab walaupun ditanya			3	75			1	25		
Murid bertanya apabila ada masalah			3	75			1	25		

Responden juga bersetuju bahawa murid-murid secara majoritinya tidak lemah dalam bahasa Melayu kecuali seorang responden yang menyatakan majoriti muridnya lemah dalam bahasa Melayu. Selain itu, 75 peratus responden bersetuju bahawa majoriti murid mereka telah mengenal huruf, mengenal suku kata, dapat membatangkan perkataan dan menggabungkan suku kata. Sebanyak 75 peratus responden juga bersetuju bahawa murid-murid mereka aktif dalam aktiviti, suka bertanya, sukar untuk menjawab soalan dan murid hanya bertanya apabila mereka menghadapi masalah.

Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 4 menunjukkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Daripada jadual itu didapati 75 peratus responden tidak menghadapi masalah untuk mengawal kelas kecuali seorang responden yang tidak pasti.

Responden juga mempunyai masa yang cukup untuk merancang pengajaran dan melaksanakan pengajaran sebagaimana yang dirancangan. Sebanyak 75 peratus responden juga bersetuju bahawa bahan bantu mengajar (BBM) yang disediakan di sekolah mencukupi tetapi mereka tidak tahu untuk menggunakannya secara maksimum dan berkesan. Jadual 4 juga menunjukkan 75 peratus responden menganggap penggunaan bahan tidak banyak membantu murid dan mereka lebih suka menggunakan buku teks. Walau bagaimanapun, semua responden bersetuju bahawa pengajaran yang dijalankan berfokus kepada peperiksaan.

Jadual 4: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

ITEM	SS	%	S	%	KP	%	TS	%	STS	%
Masalah mengawal kelas					1	25	2	50	1	25
Sukar merancang pengajaran			1	25			3	75		
Tidak ada masa untuk merancang pengajaran							4	100		
Tidak merancang pengajaran			1	25			3	75		
Tidak dapat melaksanakan perancangan			1	25			3	75		
BBM tidak mencukupi			1	75			3	75		
Tidak tahu menggunakan bahan			3	75			1	25		
Penggunaan bahan tidak membantu murid			3	75			1	25		
Suka menggunakan buku teks			3	75			1	25		
Pengajaran berfokus peperiksaan	4	100								

Soalan kajian pertama :

Adakah guru-guru bahasa Melayu mempunyai kelayakan untuk mengajar bahasa Melayu?

Dapatan kajian menunjukkan 75 peratus guru yang mengajarkan bahasa Melayu di sekolah berkenaan mempunyai kelayakan dan mereka merupakan guru-guru yang membuat pengkhususan bahasa Melayu atau pengajian Melayu semasa mengikuti latihan perguruan di maktab-maktab perguruan.

Soalan kajian kedua:

Adakah guru-guru BM bersedia untuk mengajar bahasa Melayu?

Dapatan kajian menunjukkan 75 peratus guru bersedia dan memberi kesanggupan untuk terus mengajarkan bahasa Melayu. Daripada data pemerhatian juga menunjukkan guru-guru sentiasa bersedia terutamanya dalam merancang pengajaran harian. Satu perkara yang jelas ialah guru-guru menyediakan persediaan harian yang menunjukkan guru-guru telah bersedia untuk mengajar pada hari berkenaan.

Soalan kajian ketiga:

Adakah murid-murid bersedia untuk belajar bahasa Melayu?

Dapatan kajian menunjukkan murid-murid bersedia untuk belajar bahasa Melayu. Persepsi yang diberikan oleh responden berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang dimiliki oleh murid-murid. Hampir semua responden menyatakan majoriti murid mereka telah menguasai kemahiran-kemahiran asas berbahasa seperti mengeja, membatangkan suku kata, membunyikan suku kata, menyebut perkataan, membaca dan menulis.

Walau bagaimanapun, data pemerhatian dan temu bual menunjukkan terdapat murid-murid yang belum menguasai kemahiran-kemahiran tersebut. Murid-murid yang belajar dalam tahap dua misalnya masih belum mengenal suku kata sepenuhnya, tidak dapat menggabungkan suku kata dan tidak dapat membaca dengan lancar.

Soalan kajian keempat:

Adakah guru-guru menghadapi masalah dalam pengajaran bahasa Melayu?

Daripada dapatan kajian didapati majoriti guru tidak menghadapi masalah untuk mengajarkan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun data pemerhatian menunjukkan guru menghadapi masalah dalam memilih kemahiran dan kandungan pengajaran yang sesuai untuk semua murid. Masalah ini timbul disebabkan kebolehan murid yang berbeza-beza berada dalam satu kelas. Guru-guru tidak dapat menyediakan latihan yang berbeza; iaitu satu latihan untuk kumpulan baik dan satu latihan lagi untuk kumpulan yang pencapaiannya rendah.

Soalan kajian kelima:

Apakah masalah yang dihadapi oleh guru BM?

Masalah ini timbul disebabkan kebolehan murid yang berbeza-beza berada dalam satu kelas. Guru-guru tidak dapat menyediakan latihan yang berbeza; iaitu satu latihan untuk kumpulan baik dan satu latihan lagi untuk kumpulan yang pencapaiannya rendah.

PENUTUP

Rumusan

Keyakinan Guru Untuk Meningkatkan Pengetahuan Murid

Data kajian menjelaskan bahawa tiga orang responden begitu yakin bahawa mereka dapat membantu murid meningkatkan pengetahuan bahasa Melayu, sementara seorang responden lagi berasa tidak yakin. Perkara ini kemungkinan ada kaitannya dengan opsyen responden berkenaan. Guru-guru yang mempunyai opsyen pengajian Melayu atau bahasa Melayu lebih yakin untuk mengajarkan bahasa Melayu berbanding dengan guru yang opsyennya selain daripada bahasa Melayu. Berdasarkan data demografi responden, faktor lain yang kemungkinan mempengaruhi keyakinan guru untuk mengajarkan bahasa Melayu ialah pengalaman mengajar. Dengan pengalaman yang lama terutama dalam mengajarkan bahasa Melayu, guru-guru tidak menghadapi banyak masalah apabila menyampaikan pengajaran kepada murid.

Mengajarkan Bahasa Melayu Memerlukan Persediaan Awal

Majoriti responden bersetuju bahawa mengajarkan bahasa Melayu memerlukan persediaan awal. Dalam konteks ini bermakna guru-guru perlu membuat persediaan dari segi perancangan pengajaran, persediaan harian dan juga bahan bantu mengajar yang akan digunakan dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, data pemerhatian menunjukkan persediaan yang lebih terancang terutama sebelum sesuatu pengajaran tidak dilaksanakan oleh guru. Perancangan dari segi aktiviti, penyediaan objektif, bahan bantu mengajar dan penggunaannya secara berkesan tidak jelas.

Dalam merancang persediaan awal, guru kemungkinan merancang bahan yang akan digunakan tetapi mereka tidak menetapkan langkah-langkah pengajaran yang tersusun kerana objektif pengajaran tidak dinyatakan dengan jelas.

Pengajaran Berfokuskan Peperiksaan

Data kajian yang diperoleh melalui soal selidik, pemerhatian dan temu bual jelas menunjukkan guru-guru sentiasa memberi fokus kepada peperiksaan. Oleh sebab itu, dalam pengajaran bahasa Melayu didapati guru-guru juga menggunakan format peperiksaan semasa menjalankan aktiviti ataupun semasa menyediakan latihan. Fokus pengajaran kepada peperiksaan menyebabkan guru-guru terikat dengan langkah-langkah dan peruntukan masa yang terbatas sehingga guru-guru tidak “mampu” untuk berinteraksi dengan murid. Kaedah pengajaran yang berfokus kepada peperiksaan memberi implikasi kepada suasana pengajaran dan pembelajaran pada hari berkenaan, misalnya ;

- i. Aktiviti tidak banyak dijalankan.
- ii. Latihan berdasarkan format peperiksaan.
- iii. Penglibatan murid terbatas.
- iv. Murid yang lemah tidak menerima hasil pembelajaran.

CADANGAN

- 1. Pengajaran seharusnya melibatkan lebih ramai murid.
- 2. Murid-murid yang lemah perlu dilibatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut 'kemampuan' mereka.
- 3. Penghantaran murid-murid lemah ke kelas pemulihan perlu dipantau supaya mereka dapat menguasai kemahiran-kemahiran tertentu dalam masa yang ditetapkan.
- 4. Penggunaan bahan bantu mengajar perlu dipelbagaikan supaya murid-murid tidak jemu.

Nota: *Kajian ini juga dibentangkan di Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005*

RUJUKAN

- Ab. Rahman Ab. Rashid, Yap Kim Fatt & Ab. Rahim Selamat. (1997). *Pengajian Melayu I*. Petaling Jaya: Longman.
- Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP]. (1985). *Kamus dwibahasa bahasa Inggeris-bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP]. (1994). *Kamus dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, J. M. & Brueckner, M. M. (1990). *Elementary social studies teaching for today and tomorrow* [Pengajaran pengajian sosial asas untuk kini dan kemudian hari]. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction* (4th ed.) [Kondisi pembelajaran dan teori pengajaran (edisi keempat)]. New York: CBS College Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. (1983). *Sukatan pelajaran sekolah rendah bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. (2001). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. (1995). *Designing qualitative research* (2nd ed.) [Mereka penyelidikan kualitatif (edisi kedua)]. CA: Sage Publication. Inc.
- Raminah Hj. Sabran. (1993). *Kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Seman Salleh. (2005). *Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran bahasa Melayu*. Tesis doktor falsafah yang belum diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1983). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Sharbi Ali. (2005). *Sukatan pelajaran bahasa Melayu sekolah rendah*. Diperoleh September 12, 2005, daripada <http://www.ppk.kpm.my/sphsp/muka22.htm>

Schunk, D. H. (1991). *Learning theories: An educational perspective* [Teori pembelajaran: Suatu perspektif pendidikan]. New York: Macmillan Publishing Co.

Teuku Iskandar. (1986). *Kamus Dewan. Kuala Lumpur* : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yaxley, B.G. 1991. *Developing teachers' theories of teaching*. London: Falmer Press.

Yin, R.K. 1989. *Case study research*. USA: Sage Publications. Inc.